



Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Jumaat

15 Julai 2016 / 10 Syawal 1437H

**Al-Ilm Sebagai Rukun Pertama Hikmah**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيِّ الْحَمِيدِ وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ الْمَبْعُوثُ بِالرَّحْمَةِ وَالْقَوْلِ السَّيِّدِ، اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Saudaraku,

Marilah kita bertaqwa kepada Allah s.w.t. dengan sebenar-benar ketakwaan. Laksanakan segala perintahNya dan jauhi segala tegahanNya. Semoga Allah s.w.t. mengurniakan kepada kita keampunan dan kemaafanNya. Amin.

Sidang Jumaat yang saya kasihi,

Sekiranya khutbah minggu lepas telah membicarakan tentang hikmah. Maka pada hari ini, marilah bersama-sama kita memerhatikan aspek yang lain dalam berlaku hikmah.

Saudaraku,

Apakah yang akan anda lakukan sekiranya anda mengenali seorang anak remaja yang dilahirkan sebagai seorang Muslim dan dibesarkan di dalam sebuah keluarga Muslim tetapi meragui kewujudan Tuhan, ataupun tidak mendirikan ibadah solat dan sebagainya? Bagaimanakah anda menghampiri remaja tersebut? Apakah pendekatan yang sesuai untuk membimbing anak remaja tersebut kembali ke landasan yang benar?

Tidak dapat dinafikan bahawa seseorang yang berusaha untuk memberi nasihat, beliau terlebih dahulu memerlukan kepada ilmu pengetahuan. Dalam usaha kita membimbing manusia ke jalan Allah s.w.t. dengan berhikmah, hendaklah seseorang itu melengkapkan dirinya dengan ilmu terlebih dahulu. Allah s.w.t. berfirman:

قُلْ هَذِهِ سَبِيلِي أَدْعُو إِلَى اللَّهِ عَلَى بَصِيرَةٍ أَنَا وَمَنِ اتَّبَعَنِي وَسُبْحَانَ اللَّهِ وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشْرِكِينَ

Maksudnya: *"Katakanlah (wahai Muhammad): "Inilah jalanku, aku dan orang-orang yang menurutku, menyeru (manusia) kepada agama Allah dengan berdasarkan keterangan dan bukti yang jelas nyata. Maha suci Allah, dan bukanlah aku dari golongan yang mempersekutukan Allah."* [Surah Yusuf ayat 108]

Menurut Imam Ibn Kathir rahimahullah, ayat yang baru dibacakan sebentar tadi mengajarkan kepada kita bahawa pendekatan yang digunakan Rasulullah s.a.w. dalam usaha mengajak manusia ke jalan Tuhan adalah dengan menggunakan hujah-hujah syarak dan akal. Dalam erti kata yang lain, pendekatan yang digunakan Rasulullah s.a.w. adalah berdasarkan ilmu.

Saudaraku,

Perhatikan juga kisah yang pernah diceritakan oleh Rasulullah s.a.w. Ia berkaitan dengan seorang lelaki dari kalangan Bani Israil yang telah membunuh sembilan puluh sembilan orang. Beliau ketika ingin bertaubat telah menemui seorang rahib dan bertanya kepadanya; *“Apakah pintu taubat terbuka buatku?”* Rahib itu menjawab: *“Tidak”*. Maka lelaki tersebut lalunya membunuh Rahib tersebut. Kemudian dia bertanya lagi kepada insan lain, lalu ada yang berkata kepadanya; *“Pergilah ke desa tersebut (untuk bertaubat)”*. Kemudian orang itu pergi menuju ke desa tersebut, dan ketika itu ditakdirkan beliau menemui ajalnya.

Rasulullah s.a.w. berkata: *“Atas kejadian itu, malaikat rahmat dan malaikat azab berselisih, lalu Allah mewahyukan kepada bumi yang dituju (iaitu desa untuk mencari taubat) agar mendekat dan mewahyukan kepada bumi yang ditinggalkan (iaitu tempat dia melakukan kejahatan) agar menjauh, lalu Allah berfirman kepada kedua malaikat itu: “Ukurlah jarak keduanya”*.

*Ternyata orang itu lebih hampir ke desa yang dituju (untuk bertaubat), maka dia diampuni”.*

Saudaraku,

Antara pengajaran terpenting pada kisah tersebut adalah pentingnya ilmu pengetahuan dalam memberi bimbingan kepada insan lain. Bahkan memberikan bimbingan kepada manusia tanpa ilmu boleh membawa kesudahan yang buruk kepada diri sendiri dan juga orang lain. Lihat sahaja di dalam kisah yang baru dikongsi sebentar tadi, jawapan salah yang diberikan oleh rahib tersebut telah mengakibatkan nyawanya tergadai. Bahkan dengan jawapan salah, boleh menyebabkan orang yang ingin bertaubat, tidak menemukan pintu taubat. Dirinya semakin jauh, semakin jauh dari Allah dan petunjuk-Nya.

Adapun pengajaran yang kedua, seseorang yang memerlukan bimbingan harus merujuk kepada golongan yang pakar dan berilmu. Ini adalah memastikan agar bimbingan yang diberikan adalah benar dan tepat.

Seseorang yang mempunyai masalah kesihatan, hendaklah merujuk kepada golongan yang pakar dalam bidang perubatan. Begitu juga, mereka yang mempunyai kemusykilan mengenai penafsiran ayat Al-Quran, makna hadith atau hukum-hakam fikih, hendaklah merujuk kepada golongan yang pakar dalam bidang tafsir, hadith dan fikih. Setiap bidang ada pakarnya,

maka hendaklah dihormati kepakaran tersebut. Bukankah Allah s.w.t. berfirman:

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ قَبْلِكَ إِلَّا رِجَالًا نُوْحِيْ اِلَيْهِمْ فَسْأَلُوْا اَهْلَ الذِّكْرِ  
اِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُوْنَ ﴿٤٣﴾

*“Dan tidaklah Kami mengutus Rasul-rasul sebelummu melainkan dari kalangan orang-orang lelaki, yang Kami wahyukan kepada mereka. Oleh itu bertanyalah kamu kepada orang-orang yang berpengetahuan jika kamu tidak mengetahui.”* [Surah an-Nahl ayat 43]

Saudaraku sekalian,

Rasulullah s.a.w. amat menitikberatkan ilmu dalam usaha membimbing manusia ke jalan Tuhan. Imam Sufyan al-Thauri rahimahullah pernah berkata: “Tidak boleh mengajak kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran kecuali seseorang yang memiliki tiga sifat: **Yang pertama:** Lemah lembut ketika menyuruh dan lemah lembut ketika melarang. **Yang kedua:** Adil ketika menyuruh dan adil ketika melarang. **Dan yang ketiga:** Memiliki ilmu tentang apa yang disuruh dan memiliki ilmu tentang apa yang dilarang.”

Kepentingan ilmu pengetahuan dalam menegur juga ditekankan oleh para sahabatnya. Sebagai contoh, apabila kita mengkaji riwayat hidup Khalifah ‘Ali bin Abi Talib r.a., kita akan mendapati bahawa di antara cabaran besar yang perlu ditangani pada zamannya adalah golongan khawarij. Dalam

usaha menangani masalah ini, Khalifah 'Ali bin Abi Talib r.a. telah menghantar 'Abdullah ibn 'Abbas r.a. untuk berdepan dan berdialog dengan golongan ini.

Menurut pakar sejarah, Dr. Ali Muhammad As-Salabi, terdapat beberapa pengajaran yang boleh diraih daripada peristiwa perdebatan antara Ibn 'Abbas dan golongan Khawarij. Antaranya: Ketika kita ingin berdiskusi dan berdialog, disamping memiliki ilmu dan maklumat, kita juga perlu bijak mengedepankan hujah dengan berhikmah.

Khalifah 'Ali ibn Abi Talib r.a. telah memilih 'Abdullah ibn 'Abbas r.a. untuk berhadapan dengan golongan Khawarij kerana beliau merupakan salah seorang sahabat yang amat mahir mengenai penafsiran Al-Quran. Dengan ilmu, ketabahan serta pendekatannya yang berhikmah 'Abdullah ibn 'Abbas r.a. ketika berdiskusi dan berdialog bersama golongan Khawarij. Alhamdulillah, seramai hampir dua ribu orang dari golongan tersebut kembali ke pangkal jalan. Allahu Akbar!

Maka saudaraku sekalian, kita mungkin mengetahui sesuatu maklumat agama, akan tetapi kita perlu juga bijak dalam menyampaikan maklumat tersebut kepada individu lain. Sebagai contoh, ketika berjalan hari raya dan menziarahi sanak keluarga, mungkin kita menyaksikan suatu perkara yang kurang menyenangkan hati. Kita juga mengetahui dengan pasti hukum dan pendapat agama tentang isu tersebut. Akan tetapi, fikirkan

juga kesesuaian tempat dan keadaan untuk menegur. Adakah sesuai untuk menegurnya di hadapan ahli keluarga? Sehingga menyebabkan dirinya merasa malu, lalu nasihat dan teguran yang ingin kita sampaikan itu tidak dihiraukannya?

Maka perhatikanlah aspek hikmah dalam menyampaikan ilmu dan maklumat agama.

Saudaraku,

Kita berdoa kepada Allah s.w.t. agar Allah s.w.t. mengurniakan kepada kita ilmu yang bermanfaat dan menganugerahkan kita kecekalan serta kekuatan untuk senantiasa menuntut ilmu selagi hayat dikandung badan, dan semoga dipermudahkan bagi kita untuk beramal dengan ilmu yang telah kita pelajari. Amin Ya Rabbal Alamin.

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ  
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ  
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا  
فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.